

# PERBILANGAN PUSAKA ADAT 6

Oleh NORZALI HAJI IBRAHIM

Masyarakat Melayu Nege-ri Sembilan khasnya di Rembau yang begitu setia dengan pengamalan Adat Perpatih sentiasa berpegang pada peraturan yang telah sedia ada terutama ketika mengadakan majlis perkahwinan. Sebelum adat perkahwinan dijalankan, beberapa adat tertentu harus dijalankan, bermula daripada merisik, meminang, mendirikan penanggahan, sehingga halal majlis perkahwinan berlangsung. Dalam setiap majlis yang dijalankan terdapat perbilangan yang diucapkan bagi menyingkap keluhuran dan kesopanan orang Melayu. Perbilangan adat biasanya akan dibaca daripada awal sehingga sampai kepada perkara yang hendak dijalankan.

*Maka menurut adat nan diadatkan:  
Sehari beranak, sehari bernama,  
Sehari berhutang emak bapanya,  
Apa hutangnya?  
Lima perkara.  
Pertama kerat pusat,  
Kedua upah bidan,*



Pakaian tradisi Minang.

*Ketiga sunat Rasul,  
Keempat khatam mengaji,  
Kelima nikah kahwin.*

Perbilangan di atas merangka kedudukan tanggungjawab ibu dan bapa bermula daripada hari kelahiran anak sehingga halal anak itu berkahwin. Apabila anak dilahirkan ibu bapa akan bertanggungjawab terhadap lima perkara yang tersebut, majlis berkerat tali pusat, membayar upah bidan yang menyambut kelahiran serta rawatan selepas bersalin. Kemudian mengadakan majlis berkhatam seterusnya menghantar mereka mengajai dan mengadakan majlis khatam mengaji, bagi anak perempuan diadakan juga majlis bertindik. Akhir sekali mengadakan majlis perkahwinan apabila anak itu telah sampai jodohnya, sesuai dengan perbilangannya:

*Dalam pada itu,  
Kok nan lelaki,  
Sudah pun teruna;  
Kok nan perempuan,  
Sudah pun dara.*

**Warisan**

Adat perkahwinan masyarakat minang, yang diungkap dalam perbilangan adat.

*Kok nan lelaki  
Diakuk-akukkan,  
Diarah-arahkan;  
Kok nan perempuan,  
Ditanda-tandakan,  
Dekat rumah, dekat kampung.*

Dapat dilihat dalam perbilangan di atas masyarakat Melayu menggunakan bahasa yang begitu halus dan lembut untuk menyampaikan hasrat yang terpendam. Anak lelaki yang menjangkau tahap teruna biasanya akan diakuk-akukkan atau diarah-arahkan kepada seseorang gadis yang menjadi pilihan keluarga. Demikian juga bagi gadis yang telah dara juga akan disendakan dengan menanda-nandakan atau mengarah-arahkan kepada seorang teruna yang juga menjadi pilihan keluarga. Mengakuk-akukkan atau menanda-nandakan lebih merupakan perbuatan membayangkan jodoh atau pasangan antara teruna dan dara

oleh keluarga.

*Hari ini nampaknya  
Tumbuhlah lelaki,  
Tegah dek adat,  
Adat tak menghalang,  
Syarak tak menghambat,  
Harus pula semenda menyemenda.*

Perbilangan di atas menerangkan penjodohan antara teruna dengan dara tidak ada halangan, sama ada mengikut adat ataupun daripada segi syarak, bolehlah diteruskan penjodohan kedua-duanya. *Adat tak menghalang* bermaksud kedua-dua mereka tidak berada dalam ikatan satu suku yang merupakan ikatan persaudaraan yang tidak digalakkan berkahwin sesuku. *Tumbuhlah lelaki* menerangkan kehadiran pihak lelaki atau wakilnya ke rumah pihak perempuan bagi tujuan merisik atau meminang.